

19 AUG 1999

SeAbad-Satria

M'SIA SEABAD: SATRIA GTI, JAGUH, KRISS HADIAH CABUTAN BERTUAH

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Orang ramai yang menghadiri perasmian Perayaan SeAbad Malaysia ke Alaf Baru pada 30 Ogos ini berpeluang memenangi antara lain kereta Proton Satria GTI serta motosikal Modenas Jaguh dan Kriss menerusi cabutan bertuah.

Setiap orang yang menghadiri upacara itu akan diberi pas percuma bernombor dan cabutan bertuah akan dibuat mengikut keratan pas yang dikutip di pintu masuk Stadium Nasional Bukit Jalil pada malam perasmian.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid menyatakan perkara ini selepas menerima sumbangan 150,000 pas percuma yang dicetak oleh syarikat akhbar China Press di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan acara itu, yang akan diserikan dengan persembahan artis-artis tempatan termasuk Siti Nurhaliza, KRU, Juliana Banos dan Elite.

Tengku Alaudin berkata, pas percuma itu akan diedarkan kepada orang ramai mulai Sabtu ini di Bahagian Pelancongan, Tingkat 6, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), stesen-setesen LRT-STAR dan di pintu masuk stadium pada malam perasmian.

Beliau sebelum itu menandatangani perjanjian persefahaman dengan akhbar New Straits Times dan China Press untuk menyiarkan promosi program perayaan itu sepanjang tempoh dua tahun ia berjalan.

NST diwakili oleh pengarang beritanya Balan Moses sementara China Press diwakili oleh Pengurus Besarnya Ng Beng Lye.

Program Perayaan SeAbad Malaysia ke Alaf Baru akan berlangsung mulai 1 Sept ini hingga 31 Ogos 2001.

Ia bertujuan menyedarkan rakyat mengenai pencapaian bangsa dan negara sepanjang 100 tahun lepas untuk memupuk semangat cintakan negara di kalangan rakyat berbilang kaum dan menerap budaya melancong di kalangan rakyat Malaysia.

Program itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat dunia terhadap pencapaian bangsa Malaysia dan mendorong mereka melancong ke negara ini.

Tengku Alaudin berkata, beberapa lagi "kejutan" dijangka diumumkan esok dan pihaknya akan terus memaklumkan kepada akhbar mengenai maklumat terkini program itu.

-- BERNAMA

AFY AHH FAZ